

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PERBINCANGAN BERSAMA TAR EDUCATION FOUNDATION BERKENAAN ISU KAMPUNG SETIA JAYA, POSITIF KE ARAH PENYELESAIAN KONSTRUKTIF**

Hari ini saya telah mengadakan perjumpaan bersama wakil dari TAR Education Foundation yang diwakili oleh YBhg. Tan Sri Lim Keng Cheng dan YBhg. Datuk Seri Yew Teong Look untuk rundingan isu tanah di Kampung Setia Jaya.

Secara keseluruhannya, saya mendapati perbincangan tersebut merupakan satu perbincangan yang positif dan saya yakin bahawa isu ini dapat diselesaikan dengan baik setelah tertangguh selama lebih 30 tahun.

Berdasarkan hasil perbincangan tersebut, pihak TAR Education Foundation secara prinsipnya tiada halangan untuk membenarkan penduduk untuk terus berada di Kampung Setia Jaya sementara isu penempatan penduduk diselesaikan.

Perbincangan turut memberi fokus kepada isu penggantian rumah kepada penduduk dengan solusi yang terbaik yang akan diperincikan dengan lebih lanjut. Perbincangan susulan akan diadakan bagi memastikan isu ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera.

Perjumpaan ini turut dihadiri oleh YB Ts. Zahir Hassan, Ahli Parlimen Wangsa Maju dan YBhg. Datuk Azman Abidin, Setiausaha Politik Kepada YAB Perdana Menteri.

**DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)  
28 DISEMBER 2023**